

23 penyelidik UMT, IIUM sertai OceanX Malaysia Mission 2024

Bernama

08/10/2024 12:10 MYT



Maziah (enam, kiri) berkata misi pelayaran OceanX Malaysia Mission 2024 menggunakan kapal pelayaran saintifik termaju iaitu OceanXplorer milik OceanX. - Facebook Maziah

KUALA NERUS: Seramai 23 penyelidik bidang oseanografi dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Islam Antarabangsa (IIUM) Kuantan menyertai misi pelayaran OceanX Malaysia Mission 2024 yang bermula 27 Sept lepas.

Ketua penyelidik dan pelayaran Prof Madya Dr Maizah Mohd Abdullah berkata misi selama 17 hari itu dijalankan di sekitar perairan negeri Pahang, iaitu di bahagian selatan Kawasan Pemuliharaan Marin Diraja Iskandar (RIMCA) dan arah utara gugusan Pulau Redang.

Beliau berkata antara objektif pelayaran itu ialah mengkaji landskap dan ekosistem laut Pahang, termasuk habitat terumbu karang di pesisir pantai serta potensinya sebagai laluan migrasi megafauna marin.

"Selain itu, misi pelayaran ini juga bertujuan memantau dan menganalisis persekitaran laut, termasuk tahap keasidan lautan serta dinamika isoscape di perairan Laut China Selatan melalui isotop stabil bagi memahami kesan terhadap ekosistem marin.

"Ia dijalankan di sekitar perairan Pahang yang menghubungkan dua sektor marin berkepentingan tinggi secara ekologi dan biologi dikenali sebagai Ecologically org Biologically Significant Marine Areas (EBSAs)," katanya dalam kenyataan hari ini.



Foto Facebook Maziah

Mengulas lanjut Maziah berkata misi berkenaan menggunakan kapal pelayaran saintifik termaju iaitu OceanXplorer milik OceanX.

OceanX ialah satu inisiatif pelayaran yang diasaskan keluarga Dalio (Ray Dalio dan Mark Dalio) bagi meneroka dan memelihara lautan melalui penyelidikan saintifik, teknologi canggih dan media, tambah beliau.

"Projek ini tercetus apabila Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah dijemput melawat OceanXplorer di Dubai akhir tahun lepas.

"Baginda kemudiannya menjemput pasukan OceanXplorer untuk melaksanakan ekspedisi di perairan Pahang. UMT selaku institusi peneraju dalam bidang oseanografi telah ditugaskan untuk membentuk jawatankuasa bagi merancang OceanX Malaysia Mission 2024 yang berlangsung sehingga 13 Okt nanti," katanya.

-- BERNAMA